

Pengeboman bukan jalan capai damai

JUM 22 AUG 2003

JOHOR BAHRU 21 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini sedih atas kejadian letupan bom di Baitulmaqdis kelmarin yang membunuh 18 orang dan menyifatkannya bukan jalan terbaik untuk mencapai kedamaian.

Perdana Menteri berkata, jika satu pihak mengebom pihak lain, pihak itu pula membalasnya dan ia berlanjutan maka tidak akan mencapai persetujuan bersama ke arah perubahan positif.

“Kita bom, lepas tu dia bom kita, kita bom dia, dia bom kita pada akhirnya ia sama saja, bunuh sana tak kira siapa, kena bunuh kita tidak peduli, budak kecil pun kita bunuh, saya tidak tahulah sama ada ini perjuangan Islam atau bukan Islam

“Saya rasa sedih mengenainya (kejadian pengeboman itu), saya fikir ia bukan jalan terbaik (untuk atasi kemelut di Tebing Barat),” kata beliau yang ditanya reaksinya dengan kejadian itu.

Dr. Mahathir berkata demikian pada

sidang akhbar di majlis perasmian Menara Kastam Johor serta melancarkan Jambatan Jalan dan Jambatan Kereta-pi Projek Gerbang Perdana Bersepadu bagi menggantikan Tambak Johor di sini hari ini.

Kejadian letupan bom oleh pengebom berani mati di tengah Baitulmaqdis kelmarin telah membunuh 18 orang dan mencederakan 120 yang lain.

Letupan yang berlaku di kawasan Yahudi Ortodoks itu memusnahkan sebuah bas padat dengan penduduk Israel yang pulang dari kerja dan pengunjung tempat suci Wailing Wall.

Kejadian itu menyebabkan Israel yang sepatutnya menyerahkan kawalan keselamatan di bandar Jericho dan Qalqilya di Tebing Barat kepada Palestin, menangguhkan keputusan tersebut dan mengenakan kawalan lebih ketat ke atas wilayah Palestin.

Dr. Mahathir juga berkata, Malaysia tidak berpuas hati dengan perdamaiian yang dikendalikan oleh Amerika Syarikat tetapi ia adalah satu langkah

permulaan yang boleh mencapai tanda-tanda positif.

“Ya, kita tidak puas hati dengan road map itu, tetapi ia adalah satu permulaan, kalau kita berunding, kita boleh dapat lebih, kalau kita bunuh orang siapa nak cakap dengan kita, walaupun dia jahat, walaupun dia bunuh kita.

“Aakhirnya dia bunuh kita, kita bunuh dia, lepas dia bunuh kita kita bunuh dia, ini tidak akan habislah,” jelas beliau yang kecewa kerana kejadian itu akan memberi gambaran buruk kepada imej agama Islam.

Pada satu satu soalan mengenai penglibatan rakyat Malaysia di dalam kejadian letupan bom di Bali dan Jakarta, beliau berkata jika ada bukti rakyat Malaysia terlibat mereka perlu ditangkap dan diadili.

Katanya, jika rakyat Malaysia melakukan kegiatan jenayah di negara lain, mereka tertakluk dengan undang-undang negara itu.